

**SMK SAUJANA UTAMA, SUNGAI BULUH**  
**UJIAN BULANAN SEJARAH TINGKATAN SATU/2003**  
**MASA: SATU JAM**

NAMA:.....

ARAHAN: JAWAB SEMUA SOALAN. JAWAB DALAM KERTAS SOALAN.

BAHAGIAN 1: Isikan tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.  
 (10 markah)

**Pilihan Jawapan:**

Bartholomew Diaz	Muzaffar Syah	Tun Ali	Venice	Alfonso d'Albuquerque
Putera Henry	Mahmud Syah	Tun Mutahir	Goa	Lopez Sequiera

No.	Fakta/soalan	Jawapan
1.	Tokoh Portugis yang menggalakkan orang Portugis belajar ke timur Asia	
2.	Bendahara Melaka yang bersikap pilih kasih dan menimbulkan rusuhan kaum	
3.	Beliau berkahwin dengan anak perempuan Bendahara Tun Mutahir.	
4.	Ahli pelayaran Portugis yang berjaya belayar ke Tanjong Harapan.	
5.	Baginda ialah pengasas kerajaan Perak.	
6.	Pedagang daripada bandar ini membeli rempah dan menjualnya kepada orang Eropah	
7.	Baginda merupakan pemerintah Melaka ketika serangan Portugis	
8.	Beliau ialah wizurai Portugis di India.	
9.	Pusat pentadbiran Portugis yang pertama di Timur (Asia)	
10.	Ketua rombongan Portugis ke Melaka pada tahun 1509.	

<b>BAHAGIAN 2:</b> Gariskan jawapan yang betul. (10 markah)	
11.	Menteri dan pegawai kerajaan Johor diberi gelaran sebagai (orang kaya, orang laut)
12.	Selepas kejatuhan Melaka, (Acheh, Johor) muncul sebagai kuasa yang kuat dan maju.
13.	(Sultan Alauddin Riayat Shah, Sultan Hammat Syah) ditawan oleh Acheh pada tahun 1504.
14.	Pusat perdagangan Johor yang dimajukan oleh Tun Abdul Jalil terletak di (Riau, Batu Sawar).
15.	(Tun Habib Abdullah, Tun Habib Abdul Majid) menjadi bendahara Johor pada tahun 1688.
16.	(Laksamana, Syahbanda) Johor bertanggungjawab mengawasi perdagangan lada hitam di Johor.
17.	Acheh menjadi kuasa yang kuat ketika diperintah oleh (Iskandar Muda Mahkota Alam, Iskanda Thani).
18.	Raja Ibrahim (Johor) berkahwin dengan (Puteri Pasai, Puteri Jambi) pada tahun 1569 sehingga berlaku Perang Johor-Jambi.
19.	Keturunan Sultan Mahmud yang menjadi pengasas kerajaan Johor ialah (Muzaffar Syah, Alauddin Riayat Syah).
20.	Karya (Sejarah Johor, Sejarah Melayu) ditulis selepas kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka.

<b>BAHAGIAN 3:</b> Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul. (10 markah)	
21.	.....merupakan tempat asal orang Minangkabau atau Adat Perpatih.
22.	Panggilan untuk Ketua Luak di Negeri Sembilan ialah.....
23.	Selepas kematian Long Yunus,.....telah dilantik sebagai Sultan Kelantan yang kedua.
24.	Sultan Pahang yang pertama ialah.....
25.	Pada zaman dahulu, .....merupakan pelabuhan terpenting di Perak.
26.	Raja Kedah yang pertama bernama.....
27.	Undang-undang 99 diperkenalkan dalam pertadbiran kerajaan negeri.....
28.	.....merupakan pelabuhan yang terkenal di Kepulauan Melayu pada abad ke 18.
29.	Dua sistem keadilan dalam masyarakat Melayu tradisional ialah adat perpatih dan .....
30.	Raja Lumu merupakan sultan .....yang pertama.
BAHAGIAN 4: Tuliskan jawapan anda.	
31.	Nyatakan DUA faktor mengapa Portugis datang ke timur (Asia)? a..... b. .... (4 markah)

32.	Berikan TIGA sebab Johor muncul sebagai kuasa yang paling kuat dan maju di Asia Tenggara pada abad ke 17. a..... b..... c.....	(6 markah)
-----	---	------------

**BAHAGIAN 5: Objektif**

**Soalan 33 berdasarkan maklumat berikut:**

33	a. Kembangkan agama Kristian b. Kuasai perdagangan rempah → Peristiwa X c. Hancurkan kuasa Islam di timur
Peristiwa X merujuk kepada usaha-usaha yang dilakukan oleh Portugis pada abad ke 16. Apakah peristiwa X tersebut?	
A	Penawanan Melaka oleh Portugis
B	Perkembangan kuasa dan pengaruh Portugis
C	Pelancaran Perang Salib oleh Portugis.

34	Faktor utama yang menyebabkan kemerosotan dan kejatuhan Melaka ialah:
A	Pentadbiran Sultan Mahmud Syah lemah.
B	Tun Perpatih Puteh terlalu tua ketika dilantik menjadi bendahara.
C	Melaka tidak mempunyai pemimpin yang berkebolehan selepas kematian Tun Perak.

35	Mengapakan Portugis dapat menawan Melaka dengan mudah?
A	Terdapat pengintip Portugis di Melaka.
B	Orang asing membekalkan maklumat kekuatan dan strategi Melaka kepada Portugis.
C	Tentera Melaka kurang latihan.

**Soalan 36 berdasarkan pernyataan berikut.**

36	"Laksamana Tun Abdul Jamil banyak meninggalkan jasa kepada empayar Johor" Antara berikut, yang manakah merupakan jasa terpenting beliau?
A	Menjalin hubungan persahabatan di antara Johor – Belanda.
B	Menyusun pentadbiran Johor
C	Membangunkan semula kegiatan perdagangan Johor di Riau.

37	Apakah faktor utama yang menyebabkan berlakunya Perang Tiga Segi?
A	Persaingan untuk menguasai Selat Melaka.
B	Persaingan untuk meluaskan pengaruh ke negeri-negeri berdekatan.
C	Perselisihan faham antara 3 buah negeri.

<b>38</b>	Pusat pentadbiran Johor yang pertama ialah
<b>A</b>	Kota Tinggi
<b>B</b>	Johor Lama
<b>C</b>	Batu Sawar

<b>39</b>	Apakah faktor yang mendorong Kedah menghantar bunga emas kepada Siam?
<b>A</b>	Menjalinkan persahabatan
<b>B</b>	Memerlukan bantuan menentang Bugis
<b>C</b>	Mendapatkan perlindungan daripada ancaman Aceh.

<b>40</b>	Mufti dan Kadi memainkan peranan penting dalam pentadbiran kerajaan Terengganu pada abad ke 18. Apakah peranan mereka itu?
<b>A</b>	Menasihati sultan dalam fatwa dan hukum.
<b>B</b>	Menjadi sumber pengetahuan agama Islam.
<b>C</b>	Menjatuhkan hukuman ke atas pesalah.

<b>41</b>	Apakah sistem politik yang diamalkan dalam Adat Perpatih?
<b>A</b>	Feudalisme
<b>B</b>	Autokratik
<b>C</b>	Demokrasi.

**Soalan 42 berdasarkan maklumat berikut:**

<b>42</b>	<p><i>"Menyelam ke dalam air. Menghulur tangan ke dalam minyak panas."</i></p> <p>Apakah peristiwa yang berkaitan dengan pernyataan tersebut?</p>
<b>A</b>	Menyambut kedatangan tetamu khas.
<b>B</b>	Mengenalpasti hulubalang berkaliber.
<b>C</b>	Menentukan sama ada seseorang itu bersalah atau tidak.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

<b>SKEMA JAWAPAN:</b>			
<b>Bahagian 1</b>			
1.	Putera Henry	6.	Venice
2.	Tun Mutahir	7.	Mahmud Syah
3.	Tun Ali	8.	Alfonso d' Albuquerque
4.	Bartholomew Diaz	9.	Goa
5.	Muzaffar Syah	10.	Lopez de Sequiera

### **Bahagian 2**

11.	Orang kaya	16.	Syahbandar
12.	Acheh	17.	Iskandar Thani
13.	Sultan Alauddin Riayat Syah	18.	Puteri Jambi
14.	Riau	19.	Alauddin Riayat Syah
15.	Tun Habib Abdul Majid	20.	Sejarah Melayu

### **Bahagian 3**

21	Pagar Ruyung	26	Merong Mahawangsa.
22	Undang	27	Perak
23	Tengku Muhamad	28	Kuala Terengganu
24	Sultan Muhamad	29	Adat Temenggung
25	Kuala Bidor	30	Selangor

### **Bahagian 4.**

31	a. Sebarkan agar Kristian b. kuasai perdagangan rempah
32	a. kejatuhan Portugis b. hubungan baik dengan Belanda. c. Kemerosotan kuasa Acheh.

### **Bahagian 5:**

33	A	38	B
34	C	39	A
35	B	40	A
36	C	41	C
37	A	42	C